

SIKAP DAN MOTIVASI PELAJAR BUKAN PENUTUR NATIF BAHASA CINA TERHADAP PEMBELAJARAN BAHASA CINA: SATU KAJIAN TINJAUAN

Lee Sung Ping
Chew Chui Kian
Yeo Chui Eng

Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sikap dan motivasi pelajar bukan penutur natif Bahasa Cina terhadap pembelajaran Bahasa Cina sebagai bahasa kedua di sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di pinggir bandar raya Kuching. Seramai 25 orang pelajar telah dipilih sebagai responden kajian untuk memenuhi objektif kajian ini. Kajian tinjauan ini menggunakan soal selidik dan temu bual untuk mengumpul data. Data dianalisis berasaskan analisis deskriptif secara peratusan sahaja. Hasil kajian menunjukkan bahawa 52% responden mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi untuk mempelajari Bahasa Cina sebagai bahasa kedua mereka. Dapatan kajian juga mendapati faktor peranan tenaga pengajar dan keupayaan untuk berkomunikasi dalam bahasa Cina menjadi motivasi utama kepada pelajar untuk mempelajari Bahasa Cina.

Kata kunci: Bahasa kedua, bukan penutur natif Bahasa Cina, sekolah jenis kebangsaan Cina, sikap positif, motivasi mempelajari bahasa Cina

Abstract

This study was carried out to identify the attitude and motivation of non-native speaker students towards the learning of Chinese language as a second language. The respondents of the study consisted of 25 students from Year 4, 5 and 6 in one suburb Chinese National Type Primary school in Kuching. The instruments used in this study consisted of a questionnaire and interview. The data was analysed using descriptive method showing percentage. The findings showed that 52% of the respondents have positive attitude and are motivated in learning the Chinese language as a second language. In addition, the role of teachers and the ability to communicate in Chinese are the two main motivators for the students to learn Chinese.

Keywords: Second language, non native Chinese language speaker, Chinese National Type Primary School, positive attitude, motivation to learn Chinese language

PENGENALAN

Bilangan pelajar bumiputera (pelajar bukan penutur natif Bahasa Cina) semakin bertambah di sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), terutamanya sekolah di kawasan pinggir bandar raya. Memandangkan

Bahasa Cina merupakan bahasa pengantar dalam pengajaran dan pembelajaran kebanyakan subjek di SJKC, penguasaan Bahasa Cina dalam kalangan bukan penutur Bahasa Cina merupakan satu misi yang penting tetapi sukar dicapai. Bagi pelajar bukan penutur natif Bahasa Cina, penguasaan Bahasa Cina bukan proses semula jadi berlaku tetapi dalam bentuk pembelajaran secara terancang. Oleh itu, dorongan atau rangsangan dan sikap positif amat diperlukan.

Sikap Pelajar Mempelajari Bahasa Asing

Pembelajaran bahasa asing memang lebih sukar berbanding dengan pembelajaran bahasa ibunda. Merujuk Model Sosial Pendidikan (*Socio-Educational Model*) Gardner dan Lambert (1972), motif pembelajaran memainkan peranan yang penting dalam pembelajaran bahasa asing (bahasa kedua). Motif pembelajaran bahasa kedua boleh dibahagikan kepada motif instrumental dan motif integratif. Motif instrumental merujuk kepada keinginan untuk mendapat penarafan sosial atau kelebihan dari segi ekonomi melalui penguasaan bahasa kedua. Motif integratif pula merujuk kepada keinginan untuk menguasai serta menghayati bahasa tersebut, serta berasa selesa dengan persekitaran pembelajaran. Motif integratif juga mencerminkan keinginan untuk berkomunikasi dan menjadi sebahagian daripada komuniti sasaran. Pandangan mereka turut disokong oleh penyelidik-penyelidik seperti Graham (1984), Ellis (1994), Arnold (1999). Mereka bersetuju bahawa kedua-dua motif tersebut dapat menggerakkan pelajar untuk mencapai objektif pembelajaran bahasa asing dengan lebih kukuh. Oleh itu, sikap pelajar terhadap pembelajaran bahasa asing memainkan peranan yang sangat penting.

Pandangan para sarjana selaras dengan Teori *Causal Attributional* yang membincangkan cara seseorang itu menerangkan sebab atau punca sesuatu aktiviti, perlakuan dan tingkah laku orang lain (Gray, 2005). Antara empat punca atribut yang dicadangkan oleh Weiner (1974), atribut keupayaan (*ability attribution*) dan atribut keusahaan (*effort attribution*) merupakan faktor dominan yang akan membawa kejayaan atau sebaliknya. Dalam konteks pembelajaran bahasa kedua atau bahasa asing, atribut keusahaan ini dipengaruhi oleh motif atau sikap pelajar terhadap bahasa tersebut. Sekiranya pelajar bersikap positif terhadap bahasa asing yang dipelajarinya, maka beliau akan berusaha dan bertungkus-lumus untuk mempelajari bahasa. Sikap positif inilah dilihat sebagai "motif integratif" yang memainkan peranan penting dalam pembelajaran bahasa asing.

TINJAUAN LITERATUR

Wen (2013) dalam kajiannya yang bertajuk “Motif dan sikap Pembelajaran Bahasa Cina sebagai Bahasa Asing” telah mengkaji hubungan antara faktor motif dan sikap pembelajaran pelajar bukan penutur natif Bahasa Cina dengan hasil pembelajaran Bahasa Cina sebagai bahasa asing. Sampel kajian ini terdiri daripada 317 orang pelajar pelbagai latar belakang dari tiga buah universiti di Amerika Syarikat. Instrumen kajian yang digunakan merupakan satu soal selidik yang mengandungi 30 soalan yang berkaitan dengan motif dan sikap pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Cina dan 12 soalan tentang latar belakang pelajar dan kecenderungan mereka untuk terus belajar Bahasa Cina. Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa sikap positif memainkan peranan yang sangat penting dalam membina keyakinan diri terhadap pembelajaran Bahasa Cina sebagai bahasa asing.

Yong (2013) dalam kajiannya “Analisis pembentukan frasa nombor Bahasa Cina dalam kalangan pelajar Melayu” telah mengkaji faktor yang memainkan peranan penting dalam pengajaran frasa nombor Bahasa Cina dalam kalangan pelajar Melayu (pelajar bukan penutur natif Bahasa Cina). Responden kajian ini terdiri daripada lima orang pelajar Universiti Malaysia Pahang yang mengambil kursus “Mandarin for beginners”. Analisis SPSS telah dilakukan untuk menganalisis data yang dikumpul menggunakan ujian, soalan selidik dan temu bual. Hasil kajian menunjukkan hanya tiga faktor mempunyai hubungan yang signifikan dengan prestasi responden, iaitu faktor minat, sikap dan persekitaran.

Pernyataan Masalah

Memandangkan Bahasa Cina merupakan mata pelajaran wajib malahan merupakan bahasa pengantar di SJKC, maka pelajar seharusnya mempunyai sikap yang positif terhadap pembelajaran Bahasa Cina. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti halangan dan harapan mereka terhadap pembelajaran Bahasa Cina.

Merujuk Laporan *Sin Chew Daily News* bertarikh 3hb. Ogos 2016, peratusan bilangan pelajar bumiputera (bukan penutur natif Cina) di SJKC telah meningkat daripada 9.1% (2010) kepada 11.7% (2014). Peningkatan jumlah pelajar bumiputera di SJKC merupakan satu cabaran yang agak kritikal kepada sekolah-sekolah tersebut. Seperti yang dinyatakan dalam artikel Hong (2002) dan Moreira (1997), Bahasa Cina merupakan satu daripada bahasa asing yang paling sukar dipelajari.

Pelajar bumiputera turut menghadapi kesukaran dalam penguasaan bahasa Cina. Kesukaran ini bertambah kerana sukatan pelajaran untuk Bahasa Cina di SJKC adalah direka khas untuk pelajar Cina yang telah mempelajari Bahasa Cina sebagai bahasa ibunda sebelum mereka mengikuti sistem pelajaran di sekolah rasmi. Dalam konteks ini, sikap pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Cina memainkan peranan yang penting (Wen, 2013).

Malangnya, keadaan ini tidak mendapat perhatian yang mencukupi dalam kalangan penyelidik pendidikan tempatan. Penyelidik tempatan lebih menumpukan perhatian dalam topik pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina sebagai bahasa ibunda. Berikutan dengan perkembangan ekonomi Negeri China, penyelidikan tentang pembelajaran Bahasa Cina sebagai bahasa asing turut bertambah (Wen, 2013; Ning, 2010), tetapi kebanyakan penyelidikan hanya melibatkan pembelajaran Bahasa Cina dalam kalangan pelajar dewasa. Kajian-kajian ini juga tidak memberi fokus kepada responden yang mempelajari Bahasa Cina yang dirancang khas untuk pelajar penutur natif sahaja. Hal ini telah mendorong para pengkaji kajian ini untuk meninjau sikap pelajar sekolah rendah terhadap pembelajaran Bahasa Cina di SJKC. Sekiranya minat dan sikap positif memainkan peranan yang positif dalam proses pembelajaran bahasa asing seperti yang didapati dalam kajian-kajian lepas, maka segala unsur negatif yang akan menjadi halangan kepada sikap positif harusnya dikenal pasti dan dielakkan oleh guru-guru yang mengajar mereka. Oleh itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti unsur-unsur yang mempengaruhi minat atau sikap positif pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Cina.

Objektif Kajian

Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan kajian berikut.

- Apakah sebab-sebab pelajar bukan penutur natif BC berminat terhadap pembelajaran BC di sekolah?
- Apakah sebab-sebab pelajar bukan penutur natif BC tidak berminat terhadap pembelajaran BC di sekolah?
- Apakah cadangan-cadangan pelajar bukan penutur natif BC bagi meningkatkan minat mereka dalam pembelajaran BC di sekolah?

Kepentingan Kajian

Kajian ini berpotensi untuk membantu guru-guru yang mengajar Bahasa Cina di SJKC di pinggir bandar raya dalam mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhi minat pelajar bukan penutur Bahasa Cina terhadap

pembelajaran Bahasa Cina. Maklumat ini memainkan peranan yang penting yang boleh digunakan untuk mengelak faktor-faktor negatif yang menghalang minat pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Cina. Di samping itu, cadangan-cadangan yang diberi oleh pelajar juga boleh diguna sebagai rujukan dalam usaha meningkatkan minat pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Cina sebagai bahasa kedua.

Dapatan kajian ini turut membolehkan penyusunan semula strategi pengajaran dan pembelajaran oleh guru Bahasa Cina supaya minat pembelajaran Bahasa Cina kebanyakan pelajar bukan penutur dapat tingkatan.

KAEDAH KAJIAN

Sampel

Kajian tinjauan secara deskriptif ini melibatkan 25 orang pelajar di sebuah SJKC di kawasan pinggir bandar raya Kuching. Secara khususnya, seramai 9 orang pelajar Tahun Empat, 9 orang pelajar Tahun Lima dan 7 orang pelajar Tahun Enam terlibat dalam kajian ini. Soal selidik dan temu bual dikendalikan oleh pengkaji sewaktu pengkaji memberi perkhidmatan konsultasi kepada guru-guru sekolah tersebut. Responden merupakan pelajar dalam kalangan bukan penutur Bahasa Cina, iaitu 18 orang pelajar Melayu dan 7 orang pelajar Bumiputera Sarawak.

Instrumen Kajian

Soal selidik dan temu bual digunakan untuk mengumpul data daripada responden. Maklumat yang dikumpul termasuk minat responden dan saranan mereka untuk meningkatkan minat terhadap pembelajaran Bahasa Cina. Soal selidik yang digunakan mengandungi dua bahagian. Bahagian A mengkehendaki responden menyatakan sebab-sebab mereka berminat atau tidak berminat terhadap pembelajaran Bahasa Cina. Bahagian B pula meminta responden mengemukakan saranan mereka untuk meningkatkan minat terhadap subjek Bahasa Cina. Untuk memastikan pelajar dapat memahami soalan yang dikemukakan, soal selidik telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia. Responden digalakkan memberikan respon dalam soal selidik dengan bahasa yang paling menyenangkan bagi mereka. Oleh kerana penyampaian responden melalui penulisan agak lemah, temu bual diadakan selepas pentadbiran soal selidik agar dapatan yang dikutip adalah lebih tepat dan menyeluruh.

Analisis Data

Data kajian ini dianalisis secara analisis kandungan. Data kualitatif daripada Bahagian A dan Bahagian B dianalisis dan dikategorikan mengikut cara yang disarankan oleh Ritchie dan Spencer (1994). Cara ini melibatkan langkah-langkah berikut, iaitu pengkaji: (i) membaca semua respon pelajar,

(ii) mengenal pasti kategori-kategori yang berulang, (iii) menentukan kategori-kategori data yang ada, (iv) membina jadual kategori-kategori yang telah dikenal pasti, (v) memurnikan atau menyatukan kategori-kategori, dan (vi) menyemak dan mengekod semula respon pelajar mengikut jadual kategori yang telah dibina. Semua langkah ini dilakukan oleh pengkaji sendiri secara manual dan disemak oleh rakan pengkaji untuk meminimumkan kesilapan proses pengekodan.

DAPATAN KAJIAN

Sebab-sebab Berminat terhadap Pembelajaran Bahasa Cina

Jadual 1 menunjukkan kategori sebab-sebab responden kajian berminat terhadap pembelajaran bahasa Cina.

Jadual 1

Kategori, Bilangan dan Peratusan Respon Pelajar Tentang Sebab Mereka Minat Terhadap Pembelajaran BC (N=25)

No.	Kategori Respon	Bilangan	Peratusan
1	Boleh berkomunikasi dalam BC	25	100%
2	Menghargai usaha dan suka sifat penyayang guru	24	96%
3	Suka Aksara Cina dan buku teks BC	14	56%
4	Suka kebudayaan Cina	14	56%
5	Senang cari kerja	10	40%
6	Boleh membaca dan menulis dalam BC	10	40%
7	Mempelajari BC amat membanggakan	7	28%
8	Dapat hiburan dalam BC	7	28%

Nota: BC- Bahasa Cina

Jadual 1 menunjukkan lapan kategori sebab responden berminat dalam pembelajaran Bahasa Cina dan huraian secara terperinci adalah seperti berikut.

- Kategori “Boleh berkomunikasi dalam Bahasa Cina” merupakan kategori yang paling tinggi peratusannya iaitu 100%. Ini bermaksud semua pelajar menyedari kepentingan berkomunikasi dengan Bahasa Cina. Antara respon yang diberi adalah *“saya boleh melayan pelanggan Cina yang datang ke kedai emak saya”*, *“saya boleh berkomunikasi dengan taukeh Cina di pasar”* dan *“saya boleh pergi melancong ke Negeri Cina”*.
- Kategori “Menghargai usaha dan suka sifat penyayang guru” merupakan kategori yang kedua tinggi peratusannya, iaitu sebanyak 96%. Antara komen yang diberi oleh pelajar adalah *“cikgu bersemangat mengajar”*, *“cikgu sentiasa memberi ulangkaji sebelum peperiksaan”* dan *“cikgu tegas tapi saksama dan penyayang”*.

- Kategori “Suka Aksara Cina dan buku teks BC” serta “Suka kebudayaan Cina” merupakan kategori yang ketiga tinggi peratusannya, iaitu sebanyak 56%. Pelajar meluahkan kesukaan mereka terhadap Perayaan Tahun Baharu Cina, gaya tulisan Cina yang unik dan cerita-cerita menarik dalam Buku Teks Bahasa Cina.
- Kategori “Senang cari kerja” dan “Boleh membaca dan menulis dalam BC” merupakan kategori yang keempat tinggi peratusannya, iaitu sebanyak 40%, manakala kategori “Mempelajari BC amat membanggakan” dan “Dapat hiburan dalam Bahasa Cina” adalah sebanyak 28%.

Sebab-sebab Tidak Berminat terhadap pembelajaran Bahasa Cina

Jadual 2 menunjukkan kategori respon sebab-sebab responden tidak berminat terhadap pembelajaran Bahasa Cina.

Jadual 2

Kategori, Bilangan dan Peratusan Respon Pelajar Tentang Sebab Mereka Tidak Minat Terhadap Pembelajaran BC (N=25)

No.	Kategori Respon	Bilangan	Peratusan
1	Susah untuk mempelajari BC	25	100%
2	Guru terlalu tegas dan kurang memberi galakan	25	100%
3	Cara mengajar guru kurang sesuai dan menarik	24	96%
4	Kerja rumah membebankan	10	40%
5	Kurang puas hati dengan pencapaian sendiri	6	24%

Nota: BC- Bahasa Cina

Respon responden dikategorikan kepada lima berkaitan dengan sebab-sebab mereka tidak berminat dalam pembelajaran Bahasa Cina.

- Kategori “susah untuk belajar” dan “sikap guru yang terlalu tegas dan kurang memberi galakan” merupakan kategori yang paling tinggi peratusannya iaitu 100%. Antara komen yang diberi oleh pelajar adalah “*sangat susah untuk belajar terutama menulis karangan*”, “*buku teks susah*”, “*guru garang dan suara terlalu kuat*” dan “*kalau salah akan diejek*”.
- Sebanyak 96% pelajar juga menyatakan cara guru mengajar kurang sesuai dan kurang menarik. Pelajar berpendapat bahawa “*guru bercakap terlalu cepat*”, “*pembacaan teks terlalu cepat*”, “*jarang ada aktiviti seronok*” dan “*selalu ulang-ulangkan soalan membosankan*”.

- Sebanyak 40% pelajar berpendapat bahawa kerja rumah yang diberi oleh guru membebankan. Pelajar “tidak suka salin dan hafal karangan yang panjang” dan “terlalu banyak kerja rumah”.
- Sebanyak 24% pelajar menyatakan mereka tidak minat terhadap pembelajaran BC adalah kerana “tidak puas hati dengan pencapaian sendiri”. Oleh kerana mereka selalu gagal dalam ujian, maka minat mereka pun semakin kurang.

Cadangan Pelajar untuk Meningkatkan Minat Terhadap Pembelajaran Bahasa Cina

Cadangan responden untuk meningkatkan minat terhadap pembelajaran BC dikategorikan kepada tujuh jenis seperti yang ditunjukkan pada Jadual 3.

Jadual 3

Kategori, Bilangan dan Peratusan Respon Pelajar Tentang Cadangan Untuk Meningkatkan Minat Terhadap Pembelajaran BC (N=25)

No.	Kategori Respon	Bilangan	Peratusan
1	Kaedah P&P ditambah baik	23	92%
2	Usaha sendiri melalui membaca dan membuat ulangkaji	21	84%
3	Guru harus lebih sabar dan memberi galakan	14	56%
4	Lebih praktis dalam pertuturan BC	14	56%
5	Menyanyi lagu Cina atau menonton rancangan TV Cina	12	48%
6	Aktiviti atau latihan yang setimpal dengan keupayaan pelajar	11	44%
7	Kawan tolong saya	1	4%

Nota: BC- Bahasa Cina

Pelajar telah mencadangkan cara meningkatkan minat terhadap pembelajaran BC dan adalah seperti berikut.

- Sebanyak 92% responden berharap guru dapat membuat penambahbaikan pada kaedah pengajaran dan pembelajaran mereka masing-masing. Cadangan yang disarankan termasuk mempelbagaikan aktiviti yang menyeronokkan seperti permainan, membuat penerangan dengan cara yang menarik, jangan asyik mengulang-ulang, lebihkan aktiviti mendengar dan bertutur, kurangkan aktiviti membaca dan menulis.
- Sebanyak 84% pelajar menyatakan bahawa kalau mereka rajin membaca dan membuat ulangkaji, pencapaian mereka dalam mata pelajaran ini

akan bertambah baik, seterusnya meningkatkan minat mereka dalam pembelajaran Bahasa Cina.

- Sebanyak 56% pelajar berharap guru lebih sabar dan selalu memberi galakan kepada pelajar. Pelajar menyatakan guru yang selalu marah-marah atau terlalu serius agak menakutkan. Pelajar tidak suka diejek apabila mereka membuat kesalahan atau "*digesa membaca cepat-cepat*". Mereka juga mencadangkan agar "*cikgu jangan cakap terlalu laju*".
- Sebanyak 56% pelajar juga berharap guru boleh menjalankan aktiviti yang dapat memberi peluang kepada pelajar untuk bertutur dalam Bahasa Cina.
- Sebanyak 56% pelajar turut menyatakan bahawa menyanyi lagu Cina atau menonton rancangan TV Cina akan mempertingkatkan minat mereka dalam pembelajaran Bahasa Cina.
- Sebanyak 44% pelajar berharap aktiviti yang dikendalikan dalam kelas atau latihan yang diberi harus setimpal dengan keupayaan pelajar. "*Kerja rumah yang diberi jangan terlalu banyak*".
- Sebanyak 4% pelajar menyatakan bahawa bantuan kawan dapat menambah minat mereka terhadap pembelajaran Bahasa Cina. Akan tetapi "*jarang ada pelajar yang dapat membantu kawan kerana semuanya amat lemah*".

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun terdapat sebanyak 52% pelajar berminat dalam pembelajaran Bahasa Cina, tetapi mereka masih menghadapi kesukaran untuk menguasainya, terutamanya dari segi penulisan karangan. Dari segi motif belajar, guru merupakan faktor yang paling penting kerana hampir semua pelajar berpendapat bahawa guru yang sabar dan banyak memberikan galakan dapat memupuk minat mereka terhadap pembelajaran BC. Selain itu, kaedah mengajar guru yang menarik dan sesuai dengan kebolehan pelajar juga amat penting. Dapatan ini bersesuaian dengan dapatan yang diperolehi oleh Mardian dan Marniyati (2011) serta Zaliza dan Zaitul (2013) yang menyatakan bahawa guru memainkan peranan yang penting dalam menentukan proses pembelajaran bahasa berjalan dalam suasana yang kondusif dan efektif. Berbanding dengan penguasaan bahasa pertama, penguasaan bahasa kedua akan menghadapi banyak kekangan dan gangguan. Maka pihak sekolah harus

menitikberatkan kepakaran guru dari segi penyediaan bahan mengajar, kaedah mengajar dan stail mengajar.

Faktor yang kedua penting sebagai motivasi belajar adalah keinginan untuk menguasai Bahasa Cina sebagai alat berkomunikasi. Oleh kerana hampir 90% pelajar di sekolah ini adalah Bumiputra, maka peluang untuk bertutur dalam Bahasa Cina sesama kawan amat kurang. Kekurangan praktis dalam pertuturan dan pendengaran Bahasa Cina juga turut menjejaskan kemahiran membaca dan menulis mereka. Pihak sekolah disarankan menyusun aktiviti yang dapat menggalakkan penggunaan Bahasa Cina sebagai media komunikasi dalam konteks kelas, sekolah dan masyarakat. Keinginan untuk berkomunikasi dan mendekati komuniti sasaran merupakan satu daripada motif integratif yang dapat memotivasikan pelajar untuk belajar (Gadner, 1972).

Sebagai cadangan, kajian lanjutan boleh dibuat dengan melibatkan sampel yang lebih banyak pada masa akan datang untuk memperkukuh dapatan kajian ini.

RUJUKAN

- Arnold, J. (1999). *Affect in language learning*. Cambridge: Cambridge University Press
- Axter, W. (1997). *How hard is Chinese?* Diakses pada <http://www-personal.umich.edu/~wbaxter/howhard.html>.
- Ellis, R. (1994). *The study of second language acquisition*. Oxford: Oxford University Press.
- Gardner, R. C., & Lambert, W. E. (1972). *Attitudes and motivation in second language learning*. Rowley, MA: Newbury House.
- Graham, C. (1984). Beyond integrative motivation: The development and influence of assimilative motivation. Dalam P. Larson, E. L. Judd, & D. S. Messerschmidt (Eds), *TESOL*, 84, 75- 87. Washington, D. C.: TESOL.
- Gray, R. (2005). Attributional theory and second language learning: Results and implications. Beijing Language University, *CELEA Journal*, 28 (5).
- Hong, L., & Moreira, A. (2002) Is Chinese impossible to learn? An Initiation into Chinese, *Intercultural Communication Studies XI* (3).
- Weiner, B. (1974). *Achievement motivation and attribution theory*. Morristown, NJ.: General Learning Press.
- Wen, X. H. (2013). Motif dan sikap pembelajaran Bahasa Cina sebagai bahasa asing, *Chinese Teaching in the World*, 27(1).
- Yong, Y. M. (2013). *Analisis pembentukan frasa nombor bahasa Cina dalam kalangan pelajar Melayu*. Tesis Ijazah Sarjana: University Malaya.

Zaliza M. N. & Zaitul A. Z. H. (2013). Sikap dan motivasi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia -Social and Behavioral Sciences* 134 (2014), 408-415.

宁晓洁 (2010) 论二语习得中外语学习动机的理论模式, 云南师范大学, 学外语教学研究 (2010年06期)